



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA**USAHA PEMERKASAAN PENINGKATAN KEMAHIRAN PENGGIAT GIG**

1. Merujuk kepada sesi Perjumpaan YAB Perdana Menteri Bersama Syarikat Pengendali Perkhidmatan Parcel Hailing (P-Hailing) pada 8 Ogos 2023 (Selasa), Kerajaan memutuskan akan bekerjasama dengan penyedia platform gig untuk menawarkan program peningkatan kemahiran untuk penggiat gig. Aktiviti ini termasuk latihan mengenai kemahiran baharu, seperti pengekodan atau analisis data, latihan tentang cara meningkatkan kemahiran insaniah, seperti komunikasi atau kerja berpasukan.

2. Kementerian Sumber Manusia akan bekerjasama dengan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) untuk membangunkan program peningkatan kemahiran untuk penggiat gig. Program-program ini akan disesuaikan dengan keperluan semasa penggiat gig dan akan memberi tumpuan kepada kemahiran yang diperlukan dalam ekonomi digital.

3. Sehubungan itu, Kementerian Sumber Manusia akan melaksanakan Program Bina Kerjaya menerusi PERKESO untuk memberi insentif fi latihan mikro-kredensial, serta latihan dalam bidang TVET kepada penggiat gig yang ingin meningkatkan kemahiran serta beralih semula daripada sektor informal ke sektor formal.

4. Kementerian Sumber Manusia, menerusi Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRD Corp) juga telah menyediakan satu platform bersepadu iaitu Upskill Malaysia yang menyediakan program latihan dan pembangunan kemahiran untuk

warganegara Malaysia bagi meningkatkan daya saing pencari kerja dan menyiapsiagakan untuk kerjaya jangka panjang dalam industri yang mempunyai permintaan tinggi.

5. Kerajaan komited untuk memastikan semua rakyat Malaysia mempunyai kemahiran yang mereka perlukan untuk berjaya dalam ekonomi digital. Peningkatan kemahiran penggiat gig adalah sangat penting dan Kerajaan sedang mengambil langkah konkret untuk merealisasikannya.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
PUTRAJAYA
9 OGOS 2023**